

14/06/1997

Rakyat wajar sertai usaha banteras rasuah

ISU rasuah kini mendapat perhatian agak luar biasa. Ini kerana beberapa perkembangan akhir-akhir ini. Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kian tegas dalam kenyataannya mengingatkan segala pihak mengenai tekad kerajaan bertindak tanpa pilih bulu terhadap mereka yang disyaki terbabit dalam gejala rasuah. Rakyat begitu selesa apabila masalah rasuah yang kian serius menerima perhatian dan tindakan tegas kerajaan.

Pembangking juga menyambut baik tindakan itu. Seorang pemimpin pembangking menganjurkan media diberi kelonggaran undang-undang untuk menjalankan penyelidikan demi membongkar penyelewengan dan rasuah. Ada juga pelbagai pandangan daripada orang ramai mengenai pendekatan yang wajar untuk menangani gejala itu.

Adalah satu perkembangan yang positif masyarakat semakin prihatin terhadap gejala rasuah. Sebaik-baik cara menghadapi masalah rasuah ialah meningkatkan kesedaran rakyat terhadap gejala itu ke tahap dengan rakyat bersama kerajaan membanterasnya.

Rasuah adalah penyakit yang membabitkan penerima, peminta dan pemberi. Seperti kata pepatah, tepuk tangan sebelah, tak akan berbunyi.

Kita tidak meragukan tekad kerajaan menghapus atau sekurang-kurangnya membendung gejala itu. Pemangku Perdana Menteri begitu tegas apabila menyatakan betapa sesetengah pegawai kementeriannya menghayati gaya hidup yang tidak setimpal dengan pendapatan.

Kini tidak saja Umno yang berusaha menghapuskan gejala rasuah tetapi setiap parti komponen Barisan Nasional (BN) dipertanggungjawab menjalankan pembersihan dalam keluarga masing-masing.

Sejak Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan gejala politik wang dalam Umno, tumpuan perhatian masyarakat dijuruskan kepada langkah Umno untuk menghapuskan gejala itu. Usaha tegas dijalankan dalam kempen pemilihan Umno kempen itu berkesan.

Umum mengharapkan Umno memperlihatkan contoh agar ia dapat berperanan sebagai perintis membanteras gejala itu dalam parti dan masyarakat. Beberapa perkembangan akhir-akhir ini menunjukkan gesaan Perdana Menteri itu dilaksanakan bersungguh-sungguh.

Dalam pilihan raya kecil di Selangor baru-baru ini, tema kepemimpinan bersih tertonjol sebagai platform kempen BN.

Datuk Abu Hassan berkempen atas platform beliau dan pasukannya akan menjalankan pentadbiran yang bersih di Selangor. Pelantikannya sebagai Menteri Besar oleh masyarakat diharapkan akan membawa pembaharuan dan perubahan dalam dasar kepemimpinan Selangor pada masa depan. Paling utama harapan rakyat ialah kepemimpinannya tidak saja sebuah pentadbiran yang cekap tetapi paling penting ialah pentadbirannya harus bersih dan amanah. Tidak syak rakyat kini semakin prihatin terhadap isu rasuah dan penyelewengan serta salah guna kuasa di kalangan pemimpin.

Isu rasuah dikaitkan oleh rakyat kepada masalah sosial, umpamanya, dengan masalah alam sekitar, isu kemusnahan hutan simpan, isu setinggan, isu bukit-bukau yang tiba-tiba diratakan untuk projek perumahan. Dengan kata lain, gejala rasuah ada kaitannya dengan pembangunan negara yang pesat.

Isu rasuah tidak dapat dipisahkan daripada kenyataan pembangunan ekonomi negara yang begitu dinamik sejak beberapa tahun ini. Peningkatan tahap hidup kita membuka sebesar-besar peluang untuk masing-masing mencari kemewahan sama ada secara halal mahupun secara tidak halal.

Kemajuan kebendaan tidak diimbangi dengan pembangunan kerohanian. Nilai amanah dan kejujuran menjadi korban kepesatan kemajuan negara di bidang ekonomi.

Dr Mahathir serta pemimpin negara berkali-kali mengingatkan bahawa dalam kita mengejar dan memburu pembangunan ekonomi, kita hendaklah juga memberikan keutamaan kepada pembangunan kerohanian. Bagaimanakah bangsa Melayu dapat melahirkan satu peradaban baru jika di tengah-tengah kemakmuran itu, kita sendiri menghakis pusaka budaya dan nilai murni yang kita warisi daripada generasi terdahulu.

Rasuah sebagaimana dadah adalah masalah yang paling berat yang kita hadapi sekarang. Ia boleh membawa kepada kehancuran negara. Seperti diingatkan oleh Dr Mahathir jika kita memilih pemimpin yang tidak jujur, tidak mustahil pemimpin itu menjual negara.

Demikian juga jika pentadbir negara tidak jujur, negara mungkin tidak akan aman. Rasuah terbukti menjadi punca utama membawa kepada kejatuhan empayar yang agung pada zaman silam. Di beberapa negara sekarang, isu rasuah pimpinan kerajaan, mencetuskan keadaan tidak stabil hingga menjejaskan pembangunan ekonomi. Kerana itu, tekad dan azam kerajaan yang kuat untuk membendung gejala rasuah amatlah tepat. Tetapi untuk berkesan usaha itu harus disertai oleh rakyat. Rakyat adalah faktor penting untuk mengatasi rasuah.

(END)